

BAB V**KESIMPULAN DAN CADANGAN****5.1 Ringkasan Dapatan**

Berdasarkan dapatan daripada kajian yang telah dijalankan di dapati secara keseluruhannya 58.75% daripada murid dapat menjawab dengan tepat 26 hingga 35 soalan. 30% daripada jumlah tersebut adalah murid lelaki. Ini menunjukkan perbezaan yang ketara pencapaian murid lelaki jika dibandingkan dengan murid perempuan. Terdapat 21.45% daripada murid yang berjaya menjawab dengan tepat antara 1 hingga 10 soalan. 20% daripadanya adalah murid lelaki dan 1.25% murid perempuan. Hal ini membuktikan bahawa murid lelaki lebih lemah pencapaianya dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi.

Berdasarkan jadual perbandingan pencapaian antara kelas baik (P) dengan kelas sederhana (Q), peratus murid yang berjaya mendapat markah di antara 26 hingga 35 dari kelas (P) ialah 87.5%, dan hanya 30% dari kelas (Q). Tidak ada seorang pun daripada murid dari kelas (P) yang mendapat markah antara 0 hingga 10. Tetapi jumlah peratus murid daripada kelas (Q) adalah 45%.

Ini menunjukkan bahawa pencapaian keseluruhan kelas (P) adalah lebih baik berbanding dengan kelas sederhana (Q).

Jika diteliti perbandingan di antara murid yang pernah belajar di Sekolah Rendah Agama dengan murid yang tidak pernah belajar di Sekolah Rendah Agama, terdapat perbezaan yang jelas. Yang mendapat markah 21 hingga 35, didapati 80.1% adalah murid yang pernah bersekolah di Sekolah Rendah Agama dan 48.6% adalah murid yang tidak pernah bersekolah di Sekolah Rendah Agama. Lebih tinggi peratus pelajar yang tidak pernah belajar di sekolah agama mendapat markah antara 0 hingga 15, iaitu 48.55%, manakala hanya 13.3% di kalangan murid yang pernah bersekolah agama. Kesimpulannya menunjukkan bahawa pencapaian keseluruhan murid yang pernah bersekolah agama adalah lebih baik daripada murid yang tidak pernah bersekolah agama.

Perbandingan tahap pencapaian antara murid kelas (P) dan kelas (Q) juga dilihat dalam aspek pemahaman petikan. Berdasarkan lima soalan yang membawa lima markah, 92.5% daripada murid kumpulan (P) berjaya mendapat 4 hingga 5 markah dan kumpulan (Q) hanya 45% sahaja. Peratus pelajar yang mendapat markah 3 ke bawah ialah 7.5% di kalangan pelajar kelas (P) dan 55% di kalangan pelajar kelas (Q). Ini membuktikan bahawa pelajar kelas (Q) lebih lemah tahap pencapaiannya dalam bahagian ini.

Sebanyak 95% murid dalam kelas (P) berjaya menjawab 4 hingga 6 soalan dalam bahagian mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai. Sebanyak 5% lagi menjawab 3 soalan. Adapun murid kelas (Q), sebanyak 45% yang berjaya menjawab 4 hingga 6 dan terdapat 55% yang hanya menjawab 3 soalan atau kurang daripada 3 soalan. Murid kelas (Q) didapati lebih lemah dalam menjawab soalan di bahagian ini.

Dalam aspek menukarkan perkataan Rumi kepada Jawi, terdapat juga perbezaan yang ketara di antara murid kelas (P) dengan murid kelas (Q). Sebanyak 72.5% pelajar kelas (P) dan 15% pelajar kelas (Q) memperolehi markah antara 7 hingga 10.

Dalam aspek menukarkan perkataan Jawi kepada Rumi juga terdapat perbezaan tahap pencapaian yang ketara. Sebanyak 100% pelajar kelas (P) berjaya menjawab antara 7 hingga 10 soalan. Manakala hanya 47.5% sahaja murid kelas (Q) dapat menjawab soalan dalam lingkungan tersebut. Masih terdapat 32.5% pelajar dari kelas (Q) yang hanya berjaya menjawab 4 atau kurang daripada 4 soalan.

Berdasarkan dapatan yang di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kebolehan murid dalam menukarkan perkataan Rumi kepada Jawi dan Jawi kepada Rumi. Sebanyak 43.5% daripada murid berjaya menukarkan perkataan Rumi kepada Jawi, manakala dalam menukarkan perkataan Jawi kepada Rumi terdapat 73.75% murid yang berjaya dengan cemerlang.

Berikut adalah ringkasan peratusan pelajar yang lemah dalam setiap bahagian ujian Jawi ini:

Bahagian	Jenis Soalan	Peratus Yang Lemah
Bahagian A	(menjawab soalan aneka pilihan)	21.25%
Bahagian B	(mengisi tempat kosong dengan jawapan yang disediakan)	25.0%
Bahagian C	(mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai-melengkapkan pantun yang mudah)	61.25%

Bahagian D	(menukarkan perkataan dalam tulisan Rumi kepada tulisan Jawi)	38.75%
Bahagian E	(menukarkan perkataan dalam tulisan Jawi kepada tulisan Rumi)	16.25%

Berdasarkan dapatan yang di atas, dapatlah disimpulkan bahawa lebih tinggi peratus pelajar lemah dalam bahagian C, iaitu menulis jawapan dengan perkataan sendiri yang difikirkan sesuai dalam tulisan Jawi dan bahagian D, iaitu menukarkan perkataan dalam tulisan Rumi kepada tulisan Jawi. Kelemahan ini didapati di kalangan pelajar dalam kelas sederhana dan tidak mengikuti Sekolah Rendah Agama.

Kesimpulan dapat dibuat dengan mudah bahawa, pencapaian murid-murid itu akan dianggap lemah dalam membaca dan menulis Jawi apabila mereka gagal untuk menterjemahkan kembali apa yang dieja atau dibaca kepada bentuk tulisan. Melalui beberapa sumber yang didapati sepanjang kajian ini dijalankan, kesimpulan dapat dibuat bahawa pengabaian pengajaran Jawi di sekolah-sekolah telah berlaku dalam tempoh tiga dekad kebelakangan ini. Walaupun ada tercatat pengajaran Jawi perlu dimasukkan ke dalam pengajaran Bahasa Malaysia, tetapi tidak ramai para guru yang berbuat begitu. Akiatnya generasi masa kini telah

menjadi ‘buta Jawi’ dan tidak menyedari bahawa tulisan tersebutlah yang pernah mengangkat mertabat orang Melayu sebagai orang yang bertamadun dan berilmu.

5.2 Cadangan dan Saranan

Beberapa cadangan dan saranan dapat dikemukakan berdasarkan daripada kajian ini.

5.2.1 Aspek Kaedah Dan Teknik Pengajaran

Hingga kini kaedah tradisi yang menggunakan teknik mengenal fungsi huruf, mengeja suku kata dan membatangkan perkataan hendaklah diteruskan. Kaedah tersebut adalah di antara kaedah yang berkesan. Apa yang perlu ditambah dan diperbaiki ialah dari segi membanyakkan alat-alat pengajaran yang disesuaikan dengan teknologi pendidikan masa kini. Selain itu, guru harus lebih kerap memberikan latih tubi kepada murid-murid dalam menjalankan aktiviti mengeja, membaca dan menulis Jawi.

Satu lagi kaedah pengajaran bacaan Jawi yang dikemukakan oleh Profesor Isahak bin Haron boleh digunakan oleh guru-guru di sekolah untuk meningkatkan prestasi pencapaian kemahiran membaca Jawi di kalangan murid-murid di sekolah. Kaedah tersebut ialah Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantuan Huruf Rumi.

Dalam kaedah ini murid tidak perlu mengenal dan menghafal semua abjad Jawi mengikut susunan daripada ڦ..... ٩. Pada pelajaran pertama guru hanya perlu memperkenalkan bunyi huruf-huruf vokal ڦ, ڻ, ٩ dan memilih satu daripada huruf konsonan. Dalam langkah pengajaran ini guru perlu menunjukkan huruf Rumi yang sama bunyinya dengan huruf konsonan Jawi yang baru diperkenalkan. Murid akan dapat membunyikan huruf Jawi tersebut dengan cepat dan betul kerana mereka telah pun mengetahui bunyi huruf tersebut dalam ejaan Rumi.

Rancangan yang tegas dan berkesan untuk perlaksanaan pengajaran Jawi hendaklah digubal agar ia menjadi lebih bersistematik dan terancang seperti peruntukan waktu yang mencukupi dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah.

Langkah Kementerian Pendidikan mengarahkan pengajaran Jawi dimulakan pada tahun satu seperti diamalkan sekarang hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh para guru. Bahagian Perancang Kurikulum juga hendaklah membuat satu perincian kurikulum pengajaran Jawi yang lebih kemas dan mudah difahami dan dilaksanakan oleh para guru. Selain itu, Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pendidikan Guru hendaklah dapat menyediakan para guru yang benar-benar terlatih dan berketrampilan dalam menggunakan segala kemahiran mengajar Jawi.

Pihak sekolah juga perlu mewujudkan suasana persekitaran pembacaan Jawi dengan membanyakkan contoh-contoh tulisan Jawi di sekitar sekolah serta mengeluarkan peruntukan yang cukup untuk membeli buku-buku yang ditulis dalam tulisan Jawi.

5.2.2 Aspek Bahan Bacaan

Pihak penerbit sama ada dari agensi kerajaan dan swasta hendaklah peka dan sensitif terhadap kemerosotan pengajaran Jawi dan berusaha memperbanyakkan bahan seumpamanya. Bahan-bahan bacaan yang disediakan seharusnya tidak hanya memperkatakan tentang perkara-perkara agama sahaja.

Tetapi perlu juga menjangkau kepada alam kehidupan harian seperti berita, rencana, cerita dan komik.

Pihak kerajaan juga hendaklah menyediakan pemberian subsidi kepada pengeluar dan penerbit buku yang mahu menerbitkan buku dalam tulisan Jawi. Badan-badan yang berkanun juga boleh mengadakan aktiviti yang akan mendooing para pelajar menggemari tulisan Jawi seperti menyediakan pertandingan membaca dan menulis Jawi.

Oleh itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan kebolehan membaca dan menulis Jawi di kalangan murid-murid memerlukan kerja sama daripada berbagai-bagai pihak. Dengan itu adalah diharapkan pencapaian prestasi kemahiran Jawi di kalangan generasi akan datang akan bertambah cemerlang dan tidaklah tulisan ini pupus ditelan zaman.